



USM menyambut baik cadangan Kementerian yang mahu Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dikaji semula, ini sesuai dengan perkembangan yang berlaku di seluruh dunia terutamanya untuk menzahirkan masyarakat yang kreatif dan inovatif di samping menjadikan pengajian tinggi lebih realistik serta universiti sebagai pencetus dan pemangkin perubahan.

Naib Canselor  
Universiti Sains Malaysia  
Profesor Datuk Omar Osman



Kita mengalu-alukan sistem pengurusan geran-geran penyelidikan secara *online* seiring dengan keupayaan teknologi moden pada hari ini yang semakin canggih dan maju dan Malaysia sendiri tidak mahu ketinggalan dalam memperkasakan keupayaan teknologi dalam kalangan IPT.

Naib Canselor  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Prof. Tan Sri Sharifah Hapsah Syed  
Hasan Shababudin



UPM amat bersetuju dan menyokong sepenuhnya konsep pelaksanaan Pendidikan Untuk Semua kerana membuktikan kerajaan serius dalam merealisasikan pengajian tinggi untuk semua peringkat.

Naib Canselor  
Universiti Putra Malaysia  
Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi  
Ramlan